

PTP mampu jadi antara pelabuhan terbesar di dunia 2005

UM 26 JUL 2002

PASIR GUDANG 25 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Pelabuhan Tanjung Pelenas (PTP) di Gelang Patah, mampu menjadi antara pelabuhan terbesar di dunia menjelang tahun 2005 apabila ia dijangka mengendalikan 14 juta unit TeU (unit berukuran 20 kaki) kontena setahun.

Menurut Perdana Menteri, terdapat ruang untuk pelabuhan itu berkembang kerana dalam projek fasa pertama pelabuhan itu yang kini beroperasi ia mampu mengendalikan enam juta TeU.

Bagi projek fasa kedua pula yang dijangka siap pada 2005, kata beliau ia akan membolehkan PTP mengendalikan lagi lapan juta TeU.

“Masih banyak ruang untuk pertumbuhan, PTP mempunyai kekuatan dan menambahkan jumlah pengendaliannya dan menjelang tahun 2005 ia akan mempunyai kapasiti untuk meningkat hingga kepada 14 juta TeU,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat kawasan sekitar Pelabuhan Pasir Gudang di sini hari ini.

Dalam lawatan itu Perdana Menteri berpuas hatidenean perkembangan Lembaga Pelabuhan Johor y&g tumbuh dengan pesat.

“Saya amat gembira mendapati Johor Port telah tumbuh dengan pesat, dulu pengendaliannya kurang 300,000 TeU, naik kepada 700,000 TeU kontena sekarang.

“Walaupun tidak berapa lama dahulu, mungkin dalam lapan tahun dahulu seluruh pelabuhan Malaysia hanya mengendalikan kurang satu juta kontena,” kata beliau.

Keseluruhan pelabuhan-pelabuhan di negara ini juga kata Dr. Mahathir telah pesat membangun dan mempunyai sistem yang lebih berkesan yang mampu meningkatkan pengendalian kontena.

Mengulas mengenai penambakan laut oleh Singapura, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak berpuas hati dengan tindakan republik tersebut.

“Kita bercakap dengan Singapura, kita tidak senang hati kerana penambakan menyebabkan terusan menjadi sempit.

“Maka air mengalir dengan lebih deras, kuat dan akan mengganggu pelayaran kapal terutama kapal tentera kita,” jelasnya.